



Prk.ML.08/35-22 ( 6 )

26 Julai 2013

SEMUA PENGARAH PERIKANAN NEGERI

Y.H.Dato'/Tuan

TAMBAHAN SYARAT LESEN VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kebelakangan ini, vesel tangkapan ikan berada di luar perairan negara semakin berleluasa dan ia dilakukan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Jabatan. Sementara itu, isu vesel penangkapan ikan menjalankan aktiviti selain daripada penangkapan ikan juga sering dipersoalkan. Bagi membendung dan mengawal kedua-dua aktiviti ini dari terus berlaku, Ibu Pejabat Perikanan telah mengeluarkan 2 syarat tambahan lesen agar aktiviti ini tidak lagi berlaku sewenang-wenangnya.

3. Sehubungan itu, pohon kerjasama Y.H.Dato'/tuan dipohon untuk mengambil tindakan menyediakan cop 2 tambahan syarat lesen seperti berikut :

TAMBAHAN SYARAT LESEN :

- a) Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh berada di luar perairan perikanan Malaysia kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan
- b) Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada yang dilesenkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan

4. PPN dikehendaki mengecop syarat (a) pada semua Buku Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan Zon B, C dan C2. Bagi syarat (b) pula, hendaklah dicop pada SEMUA Buku Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan.

5. Saiz huruf bagi tambahan syarat lesen di atas hendaklah sama dengan saiz huruf syarat lesen sedia ada dan dicop di muka surat bahagian syarat-syarat lesen dalam Buku Lesen.

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



6. Arahannya hendaklah dilaksanakan SERTA-MERTA.

Sekian untuk tindakan Y.H.Dato'/tuan, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



( DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD )  
Ketua Pengarah Perikanan  
Jabatan Perikanan Malaysia  
PUTRAJAYA

s.k :

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai/Pe. Pegawai/Pembantu Perikanan  
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber